

Kisah Kejayaan Pi1M Nanga Medamit (Q05C002)

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI1M Nama PI1M	Pusat Internet 1 Malaysia Nanga Medamit
Location Lokasi	Daerah Kecil Nanga Medamit / Bahagian Limbang / Negeri Sarawak
Name of person(s) Nama	Mulok ak Usop
Details of person (s) Butiran diri	No. Kad pengenalan: 761211-13-5949 Umur: 40 tahun Jantina: Lelaki Warganegara: Malaysia Bangsa: Iban Status: Berkahwin Pekerjaan: Pengawal Keselamatan Tempat kerja: SK Nanga Medamit Limbang N0.hp : 011-25057107 Email: mullubai76@gmail.com Alamat: Kampung Lubok Tuan, Lubai 98700 Limbang
Success story Kisah kejayaan	1. How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story <i>Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda.</i> Saya mula mengenali internet pada tahun bulan ogos 2015. Pada mulanya memang agak janggal kerana saya kurang mengenali atau kurang mahir dalam menggunakan internet. Malah saya turut berputus asa kerana bagi saya amat sukar sekali penggunaannya. Namun yang demikian, pengaruh dari rakan sekerja dan juga minat yang mendalam terhadap penggunaan internet ini telah mendorong saya untuk menjejakkan kaki ke Pusat Internet 1 Malaysia untuk belajar dan memahami cara penggunaan internet.

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	Atas dorongan petugas Pusat internet, kini saya telah mempunyai laman email saya sendiri. Dengan adanya email tersebut, saya turut berpeluang mengenali dunia media sosial seperti Facebook dan lain-lain. 2. <i>How did your life improved after learning how to use the internet</i> <i>Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</i> Saya mula belajar menggunakan komputer dan internet di Pusat internet 1 Malaysia Nanga Medamit pada 2 ogos 2015 bermula dengan Kelas Microsoft Word. Kelas tersebut mengambil masa selama 3 hari iaitu pada 2hb, 4 hb dan 6hb Ogos 2015. Hal ini kerana, saya bermula dengan 'kosong' iaitu bermula dari asas sehingga kemahiran saya terhadap penggunaan Microsoft Word meningkat. Setelah menyertai kelas tersebut, kini saya mampu untuk menaip surat atau melayari laman sosial dengan lebih mudah berbanding kehidupan saya sebelum ini. Tambahan pula, pekerjaan saya sekarang memerlukan saya untuk menulis segala laporan ataupun aktiviti yang berlaku di tempat kerja saya dan ini memudahkan saya untuk menulis surat rasmi sekiranya saya ingin memohon untuk cuti bekerja. Selain itu juga, kini saya sudah mahir menggunakan Laman Sosial iaitu Facebook dan Email. Dengan adanya Laman Sosial tersebut, telah menghubungkan saya dengan keluarga dan sahabat lama yang berada jauh dari kampung dan sahabat lama yang terpisah selama beberapa tahun kini boleh dihubungi, disamping itu dapat menambah kenalan baru.

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<i>Describe activity and person(s) in every photo provided</i> <i>Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.</i> <i>Gambar A :</i> <i>Latihan Asas Microsoft Word</i> <i>Gambar B :</i> <i>Latihan Asas Microsoft Word</i> <i>Gambar C :</i> <i>Latihan Asas Microsoft Excel</i>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	 <i>Gambar D : Latihan Asas Internet</i>  <i>Gambar E : Latihan Asas E-mail</i>
Photo caption names Keterangan gambar berserta nama	-Tiada-
Feedback Maklumbalas	1. What was your first impression towards PI1M? <i>Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?</i> Pada pendapat saya, Pi1M merupakan medium yang penting bagi masyarakat di sini untuk mengenali dunia IT, kerana lebih ramai masyarakat di luar buta IT. Dengan adanya kemudahan yang sedia ada seperti internet dan komputer memudahkan pengguna untuk mencari maklumat ataupun mengisi masa yang terluang dengan aktiviti yang berfaedah terutamanya para belia yang masih lagi bersekolah. Tambahan pula, Pusat Internet 1 Malaysia turuti membenarkan setiap pelangganya menggunakan internet secara percuma selama 30 minit dengan kadaran bayaran yang lebih murah iaitu RM 1.00 bagi ahli dan RM 2.00 bagi bukan ahli.

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	2. <i>What attracted you to come and use the facilities in PI1M?</i> <i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i> Tarikan utama bagi saya untuk datang ke Pusat Internet 1 Malaysia ialah Internet dan kelas-kelas yang disediakan. Ini kerana, dengan adanya kelas-kelas latihan seperti Microsoft Word, Klik dengan Bijak (KDB) telah mendedahkan saya kepada dunia IT. Disamping itu saya turut dapat mempelajari penggunaan Internet secara berhemah melalui KDB. Tambahan pula keadaan bilik latihan yang selesa dan bersih turut menarik minat saya. <i>How can PI1M help others to be successful?</i> <i>Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</i> Penggunaan internet untuk mencari maklumat-maklumat yang penting terutamanya pelajar ipita/s dan juga pelajar sekolah menengah dan rendah. Mengadakan bengkel-bengkel kesedaran akan kepentingan IT kepada pelbagai lapisan usia masyarakat. 3. <i>Can you suggest improvement to be made to PI1M? (facilities, training activities, promotions, etc)</i> Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain. Saya berharap agar kelajuan internet di Pusat Internet 1 Malaysia ini dapat ditingkatkan bagi memudahkan urusan penggunaannya. Disamping itu, saya berharap agar Pusat Internet 1 Malaysia ini di promosikan atau diperkenalkan melalui media-media masa seperti televisyen dan radio bagi mengalakkan atau memperkenalkan Pusat Internet 1 Malaysia

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	kepada masyarakat diluar. Hal ini kerana, masih ramai masyarakat di luar masih belum tahu atau mengenali kewujudan Pusat Internet 1 Malaysia ini.

PLEASE SUBMIT FULL WRITTEN SUCCESS STORY (MINIMUM 1 PAGE) & PHOTOS BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT

SILA KEMUKAKAN KISAH KEJAYAAN SECARA BERTULIS (MINIMUM 1 MUKA SURAT) & GAMBAR-GAMBAR BERDASARKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN DIHANTAR KE JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN